



## **SIARAN MEDIA**

### **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

#### **“INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL PERCUMA RM50”**

1. Pelbagai usaha dilakukan untuk membina sikap suka menabung di kalangan ibu bapa dan anak-anak. Sememangnya menjadi hasrat dan misi PTPTN untuk membudayakan **pengurusan kewangan yang dinamik bagi memastikan anak-anak Malaysia berjaya ke menara gading tanpa dibebani dengan masalah kewangan.**
2. PTPTN tidak seharusnya dilihat sebagai pemberi pinjam dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia. Menabung sekarang untuk pendidikan masa akan datang adalah merupakan satu **tindakan yang amat bijak** berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman. Dengan **penabungan sedari awal**, graduan pada masa hadapan juga akan hanya mempunyai hutang pendidikan yang **minimum**.

#### **(SSPN-i/ SSPN-i PLUS PELAN SIMPANAN TERBAIK)**

3. Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional sememangnya merupakan suatu anugerah kerana instrumen ini merupakan **pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia.**
4. Rakyat beragama Islam juga tidak perlu khuatir kerana skim simpanan pendidikan ini adalah produk yang sentiasa **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar**, tambahan pula simpanan ini **dijamin oleh Kerajaan**.

5. PTPTN turut mengetengahkan satu lagi idea bagi meringankan amalan menabung memandangkan skim ini memberikan **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif**.
6. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%**. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun**.
7. Simpanan pendidikan SSPN-i Plus juga membawa tuah kepada pendepositnya kerana setiap RM50 yang disimpan **secara automatik akan melayakkan mereka menyertai cabutan hadiah yang menawarkan lebih 300 hadiah bernilai RM1.5 juta**.
8. **Sehingga 31 Disember 2016**, terdapat sebanyak hampir **2.8 juta akaun dibuka dan aktif dengan jumlah deposit simpanan sebanyak lebih RM2.6 bilion**.

#### **(INSENTIF KHAS PERCUMA RM50)**

9. YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan **Belanjawan Negara 2017** pada 21 Oktober 2016 yang lalu telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.
10. Ini bermakna **bermula 1 Januari 2017** mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan Insentif Khas Geran Sepadan iaitu deposit percuma bernilai RM50. #Percuma50.
11. Sempena majlis ini, PTPTN turut memberikan **sumbangan deposit SSPN-i** kepada seramai **2,000 pelajar-pelajar Tahun 1** dan pelajar-pelajar dari keluarga dalam kategori B40 di Daerah Bagan Datuk, Perak sebagai sumbangan tanggungjawab sosial korporat. Diharapkan sumbangan ini dapat menjadi pemangkin kepada ibu bapa untuk memula dan meneruskan penabungan dan seterusnya menabung secara konsisten.

## **(KEMPEN JOM MENABUNG)**

12. Penganjuran Karnival Jom Menabung ini merupakan julung kalinya diadakan oleh PTPTN berkonsepkan dalam **mengarusperdanakan penabungan pendidikan di kalangan masyarakat Malaysia**.
13. **Objektif pelaksanaan** Karnival Jom Menabung Bersama Tabung Pendidikan ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan untuk:
  - i. **Mendidik dan membudayakan amalan penabungan** di kalangan masyarakat Malaysia;
  - ii. **Memperkenal dan menyebarluas mengenai insentif Geran Sepadan** melalui penabungan SSPN-i/ SSPN-i Plus sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan Negara 2017;
  - iii. **Menjalin hubungan positif** di antara pemimpin, PTPTN dan masyarakat setempat; dan
  - iv. **Mempromosikan produk penabungan pendidikan** serta meningkatkan kefahaman masyarakat berkaitan fungsi PTPTN.
14. Karnival Jom Menabung Bersama Tabung Pendidikan di Bagan Datuk, Perak ini memberikan **petanda yang baik untuk meletakkan PTPTN di tengah-tengah masyarakat**. Hal ini kerana, pada tahun 2017 usaha yang proaktif sedang dilaksanakan oleh PTPTN - Tabung Pendidikan utama negara untuk mempromosikan produk penabungan pendidikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i dan SSPN-i Plus) kepada masyarakat Malaysia.
15. Usaha ini penting untuk **menyebarluaskan lagi informasi penabungan dan kelebihan dalam membuat penabungan melalui SSPN-i dan SSPN-i Plus di segenap Negeri, Daerah, Kawasan seluruh Malaysia**. Manfaat yang mampu dinikmati oleh masyarakat Malaysia adalah amat besar sekiranya menyimpan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan manfaat ini perlu diwar-warkan. Oleh itu, jangan terlepas peluang begitu sahaja. **# JomMenabung**.

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**20 Januari 2017**